

ASPIRIN



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



MENGENAL ubat anda

Aspirin digunakan untuk merawat kesakitan, demam, artritis dan jenis-jenis inflammasi yang lain. Ubat ini juga digunakan untuk mengurangkan risiko serangan jantung. Sebelum pengambilan ubat ini, beritahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang yang berikut

- Alahan terhadap aspirin atau ubat-ubat anti-inflammasi bukan steroid (NSAIDs) seperti ibuprofen, naproxen, mefenamic acid, diclofenac.
- Hamil dan/ atau sedang menyusui anak (pengambilan aspirin mungkin mengakibatkan komplikasi ketika bersalin).
- Pengambilan ubat-ubat yang lain, sebagai contohnya NSAIDs dan ubat “penipis darah” (seperti warfarin)
- Penyakit-penyakit lain
 - Simptom-simptom apendiks
 - Penyakit pembekuan darah atau fungsi platelet
 - Masalah gastrousus seperti ulser perut

BAGAIMANA cara untuk saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu ambil berdasarkan pada tahap kesakitan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Tablet (biasa, bentuk dikunyah)

- Ambil bersama-sama dengan makanan, susu atau dengan satu gelas air.
- Tablet bentuk dikunyah boleh ditelan sepenuhnya atau dikunyah, selepas makan
- Larutan mungkin boleh digunakan untuk berkumur. Sila ikut arahan yang diberikan.

Tablet (bertindakan panjang, berselaput enterik):

- Telan seluruh tablet. Jangan hancurkan ubat.
- Ambil dengan satu gelas air, selepas makan.

Tablet (berbuih)

- Larutkan tablet di dalam satu gelas air sejuk masak, dan minum selepas makan.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila hubungi doktor anda untuk periksa dengan doktor apa yang patut anda buat.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku apabila mengambil ubat ini?

Hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang berikut:

- Kesakitan perut yang teruk
- Muntah berdarah atau muntah yang kelihatan seperti warna kopi
- Darah di dalam najis atau air kencing
- Ruam kulit atau urtikaria dengan kegatalan yang teruk
- Kebengkakan muka atau kelopak mata
- Pernafasan berdesit atau masalah untuk bernafas
- Kepeningan atau rasa mengantuk yang keterlaluan
- Telinga yang berbunyi

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai masalah dengan kesan-kesan sampingan yang kurang teruk:

- Kesakitan perut
- Kepedihan hulu hati

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Jangan mengambil aspirin selama 5 hingga 7 hari sebelum sebarang pembedahan, kecuali diarahkan sebaliknya oleh doktor anda.

Jika anda sedang mengambil aspirin untuk mencegah pembekuan darah, periksa dengan doktor anda sebelum menggunakan ubat-ubat sakit yang lain.

Anda perlu berjumpa doktor anda dari semasa ke semasa untuk pemeriksaan kemajuan keadaan anda, sekiranya terapi jangka masa panjang atau dos tinggi dipreskripsikan. Elakkan minuman alkohol kerana ini mungkin menyebabkan kepedihan perut.

Perhatian kepada pesakit kencing manis: Aspirin mungkin menyebabkan keputusan positif palsu untuk ujian gula air kencing.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sesetengah ubat-ubatan lain, jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti beritahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau jika ada berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.